

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN AKHLAK MURID TABIKA KEMAS MENERUSI MODEL PENILAIAN KIRKPATRIK DI NEGERI KELANTAN

Mazeni Ismail
Hasmadi Hassan

Kolej PolyTech MARA Kota Bharu Kelantan, Malaysia
Universiti Malaysia Pahang (UMP), Malaysia.

email : mazeni@gapps.kptm.edu.my

ABSTRAK

Islamic Project© ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dibina untuk menerapkan pendidikan akhlak kanak-kanak prasekolah yang merangkumi adab-adab dalam perbualan, pergaulan dan sebagainya. Matlamat kajian ini adalah untuk membina dan menilai keberkesanan penggunaan kaedah Islamic Project© oleh guru prasekolah dalam membantu meningkatkan perkembangan akhlak murid prasekolah di Tabika-tabika KEMAS negeri Kelantan. Kajian ini melibatkan tiga fasa. Fasa ini melibatkan 50 orang dari kumpulan intervensi dan 50 orang dari kumpulan kawalan. Keberkesanan intervensi ini dinilai menggunakan Model Penilaian 4 Tahap Kirkpatrick. Hasil kajian mendapati struktur dan kandungan modul Islamic Project© ini mencapai tahap kepuasan yang amat tinggi (CVI = 0.95). Hasil analisis ANCOVA juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua perbandingan dalam kumpulan intervensi dan kawalan, di mana min pengetahuan murid meningkat dalam kumpulan yang menerima intervensi. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa (F -stat=53.35 ; p -value=<0.001).

Kata Kunci : Pendekatan Projek, Islamic Project ©, Akhlak, Prasekolah)

ABSTRACT

Islamic Project © is a teaching and learning method built to inculcate the education of preschool children which includes manners in conversation, socializing and so on. The aim of this study is to develop and evaluate the effectiveness of the use of Islamic Project © methods by preschool teachers in helping them to improve the morale of preschool students in the Kelantan state. This study involved three phases. The first phase involves analysis of past studies and analysis of research needs. The second phase is the construction phase of the Islamic-Project Module © based on the Delphi Modified Technique. The third phase is the evaluation phase. This phase involved 50 people from the intervention group and 50 from the control group. The effectiveness of the intervention was assessed using Kirkpatrick's 4-Level Rating Model. The results showed that the structure and content of this Islamic Project © module reached a very high level of satisfaction (CVI = 0.95). The ANCOVA analysis also showed that there was a

significant difference in all comparisons between the intervention and control groups, where the mean of students' knowledge is increased in the intervention group. The results also showed a significant increases in the change of knowlegde scores between the intervention and control groups over time (F -stat=53.35 ; p -value=<0.001).

Keywords: Project Approach, Islamic Project ©, Morals, Preschools)

PENGENALAN

Pendekatan projek merupakan satu kaedah pembelajaran dijalankan dalam tempoh tertentu, melibatkan kutipan maklumat, analisis data dan pelaporan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam pendekatan ini dapat menarik minat kanak-kanak. Ia termasuk proses siasatan yang berlaku melalui aktiviti kumpulan kecil di bilik darjah (Katz dan Chad, 2000). Ciri-ciri pendekatan projek ini ialah kanak-kanak meneroka dan menyiasat melalui persekitaran, pembelajaran yang kaya dengan pengetahuan baru serta memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan kemahiran asas semasa melakukan aktiviti projek.

Menurut Hassan Langgulung (2001) serta Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri (2007), guru berperanan menyampaikan ilmu Fardu Ain secara menyeronokkan kepada murid prasekolah sebagai persediaan untuk kehidupan seterusnya yang serba mencabar. Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Islam pula merupakan satu proses bertujuan mengubah tingkah laku murid ketika guru dan murid berinteraksi dengan mata pelajaran.

LATARBELAKANG KAJIAN

Pendekatan projek merupakan pendekatan yang sudah lama dilaksanakan dalam pendidikan awal kanak-kanak di negara-negara barat. Menurut Katz dan Chard (1992) pendekatan ini menjadi terkenal di United State apabila ia disokong dan dilaksanakan oleh Dewey dan Kilpatrick. Pendekatan ini menyediakan pelbagai faedah terhadap pembelajaran dan perkembangan potensi kanak-kanak di peringkat awal.

Menurut Kilpatrick (1918) kefahaman pada peringkat lebih rendah sebagai kaedah komprehensif dan menjadi asas untuk memajukan kecekapan pada peringkat yang lebih tinggi. Pengetahuan yang diperolehi di peringkat rendah ini memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran mereka kelak apabila aktiviti yang dilakukan merupakan aktiviti 'hands-on' (Smidt, 2007). Selain itu pendekatan ini juga menyediakan konteks di mana

sifat ingin tahu dan keyakinan kanak-kanak dapat diluahkan dan memberi peluang mereka belajar dengan gembira dan bermotivasi (Katz dan Chard 2000).

Selain itu, ia juga menyediakan matlamat utama dengan menggalakkan kanak-kanak berfikir, mempunyai estetika, kepekaan moral dan meliputi semua aspek dalam bidang intelektual (Katz dan Chard,1989). Sebagai guru prasekolah, kita mengetahui bahawa kurikulum prasekolah seharusnya memberi tumpuan terhadap topik yang diajar supaya ia relevan dengan budaya dan persekitaran kanak-kanak. Proses pengajaran dan pembelajaran perlu menggabungkan pendidikan formal dan pendidikan bukan formal.

PERNYATAAN MASALAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meletakkan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai sebagai salah satu aspek yang dikembangkan di prasekolah agar murid dapat mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Hasil temubual yang dijalankan ke atas guru di prasekolah, di dapati murid-murid masih lemah dalam mengamalkan amalan-amalan harian dan memerlukan bimbingan guru.

Pendekatan oleh guru pada hari ini, masih menggunakan hafalan dan penerangan dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kanak-kanak merasakan pembelajaran mereka kurang bermakna, tidak mencabar dan tidak relevan dengan kehidupan seharian (Aminah Ayob, 2012; Norazilawati Abdullah, Nik Azmah Nik Yusuff, & Rosnidar Mansor, 2012).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah Menilai keberkesanan hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan terhadap pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS negeri Kelantan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif melibatkan 50 orang murid prasekolah. Ujian statistik yang digunakan adalah *Repeated Measured Ancova*. Penyelidik telah menggunakan perisian SPSS (Statistical Package For The Social Science) versi 24 untuk tujuan menganalisis dan memproses data yang diperolehi. Soal selidik yang telah lengkap direkodkan mengikut angka bagi memudahkan lagi kerja-kerja pemprosesan data. Semua data yang diperolehi dimasukkan dalam pemprosesan perisian SPSS bagi memudahkan penghasilan output. Secara amnya, hal ini amat membantu penyelidik dari segi penjimatan masa, ketepatan berbanding manual serta kepelbagaian ujian statistik (Field, 2009).

Responden bagi Intervensi ini adalah semua terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan. Data ini telah dikutip berdasarkan 3 kali iaitu sebelum (*baseline*), semasa dan selepas intervensi dijalankan. Penerangan berkaitan dengan 3 fasa ini adalah mengikut bahagian yang telah ditetapkan.

(a) Ujian Pra (*Baseline*)

Semasa sesi pertama dijalankan, setelah kebenaran diberikan dan dipersetujui data telah dikutip menggunakan pengukuran melalui soal selidik. Soalan semasa sesi ini guru perlu menjawab senarai semak bagi setiap orang murid dari aspek pengetahuan, amalan dan sikap pelajar. Guru-guru perlu menjawab dua bahagian iaitu demografi responden dan senarai semak yang disediakan oleh kurikulum standard prasekolah kebangsaan.


(b) Rawatan (2 minggu selepas intervensi)

Bagi kumpulan intervensi ini, peserta menggunakan pembelajaran berasaskan pendekatan . Soal selidik sama diberikan Guru-guru juga diberikan soalan berkaitan dengan tiga aspek iaitu pengetahuan, amalan dan sikap. Soal selidik ini diambil daripada senarai semak KSPK dalam penilaian murid-murid KEMAS dari aspek tingkahlaku, pengetahuan dan amalan.

Semasa intervensi ini, guru-guru diberikan panduan dan fasilitator akan membantu guru dari aspek cara menilai dan membantu semasa perjumpaan berdasarkan jadual ditetapkan.

(c) Ujian-Pos (3 Bulan selepas intervensi)

Senarai semak yang sama diberikan guru-guru untuk menilai pencapaian guru dan kanak-kanak dari tiga aspek iaitu pengetahuan, amalan dan sikap. Guru-guru akan membuat penilaian berdasarkan aktiviti yang dijalankan berdasarkan fasa-fasa dalam modul Islamic-Projek.



Rajah 1.0 : Kerangka Kajian

HASIL DAPATAN KAJIAN

Soalan Kajian : Sejauhmanakah keberkesanan Modul *Islamic Project*© terhadap hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan ?

Tahap 4 : Kirkpatrick Pengetahuan Murid

Penilaian Tahap 4 : Tingkahlaku dicapai oleh penilaian modul *Islamic Project*© sebelum Program (garis dasar (*baseline*), M0) dan selepas Program (penilaian susulan pada 2 minggu, M1 dan 3 bulan, selang M2) untuk kedua-dua intervensi dan kumpulan perbandingan untuk membandingkan perbezaan dalam skor pengetahuan murid.

a) Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa).

Jadual 1: Perbandingan Pengetahuan Murid Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)
(n=50)

Perbandingan	Intervensi		Kawalan	
	MD (95% CI)	p-value	MD (95% CI)	p-value
<i>Baseline vs 2 minggu</i>	-5.13(-6.51,-3.75)	<0.001	-2.48(-3.76,-1.21)	<0.001
<i>Baseline vs 3 Bulan</i>	-7.87(-8.78,-6.96)	<0.001	-2.48(-3.76,-1.21)	<0.001
<i>2 Minggu vs 3 Bulan</i>	-2.74(-3.87,-1.62)	<0.001	0	0

RM ANCOVA dalam kumpulan diaplikasi

Dikuti oleh perbandingan pasangan dengan pelarasan selang keyakinan (Confidence Interval adjustment)

Kovariat berangka (Umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA

MD=Perbezaan min

Jadual 1 merujuk kepada analisis perbandingan pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan dan kawalan berdasarkan masa (kesan masa). Berdasarkan ujian *multivariate* yang dijalankan, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa (**F-stat= 1.28 ,p-value=0.286**). Keputusan Perbandingan *pasangan (pairwise comparison) dengan Confidence interval adjustment* menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi dan kawalan .Tetapi dalam kumpulan kawalan, ia menunjukkan tiada peningkatan untuk perbandingan masa 2 minggu vs 3 bulan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa.

b) Perbandingan kumpulan (kesan rawatan)

Jadual 2: Perbandingan Pengetahuan Murid Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)

(n=50)

Perbandingan	MD (95% CI)	p-value
Intervensi –kawalan	2.36(1.84,2.88)	<0.001

F-stat(df)=82.36 (1) p-value= <0.001
R Diikuti oleh perbandingan pasangan (pairwise comparison)
Kovariat berangka(umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA
Level of significance ditetapkan pada 0.05(two tailed)

Rajah 2 menunjukkan hasil analisis perbandingan pengetahuan murid antara dua kumpulan rawatan tanpa masa (kesan rawatan). Berdasarkan *test of between subjects*, terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan murid antara kumpulan intervensi dan kawalan tanpa masa (p-value= **<0.001**).

c) **Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa- Interaksi Rawatan)**

Jadual 3: Perbandingan Min Pengetahuan Murid Antara Dua Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Rawatan Kesan Masa) (n=50)


Masa	Kumpulan Rawatan	Min(95 %CI)
Baseline	Intervensi	6.67(6.01,7.32)
	Kawalan	7.01(6.33,10.17)
2 Minggu	Intervensi	11.81(11.14,12.48)
	Kawalan	9.48(8.78,10.17)
3 Bulan	Intervensi	14.56(14.07,15.05)
	Kawalan	9.48(8.97,9.98)

Nota :
RM ANCOVA antara kumpulan berdasarkan masa di aplikasi
Kovariat berangka(umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA
Assumption normality, homogenitas varians, anggapan simetri compound, hubungan linearity antara kovariates dan hasil residual / homogeneity regresi telah diperiksa dan dipenuhi.

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis min pengetahuan murid antara dua kumpulan rawatan berdasarkan masa (rawatan kesan masa). Berdasarkan ujian *multivariate*, hasil analisis menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan murid antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa (**F-stat=53.35 ;p-value=<0.001**). Dalam masa 2 minggu dan 3 bulan, terdapat perbezaan dalam min pengetahuan murid antara kumpulan kawalan dan kumpulan intervensi.

d) **Kesimpulan Kajian**

Adjusted mean knowledge scores at baseline, week 2 and month 3 after intervention



Covariates appearing in the model are evaluated at the following values: umur = 5.72

Rajah 4.6 : Plot Menunjukkan Pelarasan Pengetahuan Skor Murid Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan

Rajah 4 menunjukkan *Profile plot* menunjukkan *adjusted mean(estimated marginal mean)* min pengetahuan murid untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan. Min pengetahuan untuk *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan berbeza untuk kedua-dua kumpulan. Dalam masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan, min pengetahuan murid meningkat dalam kumpulan yang menerima intervensi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, guru memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif murid-murid. Kesimpulannya, guru memainkan peranan yang penting kepada kanak-kanak dalam mencapai perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dari aspek kognitif, bahasa, fizikal, sosial dan emosi yang optimum, begitu juga dalam mencapai perkembangan kanak-kanak mengikut urutan standard serta perkembangan kanak-kanak mengikut urutan yang berbeza-beza. Jadi, guru mestilah merancang aktiviti untuk murid-murid dengan efektif sebagaimana yang telah disarankan. Selain itu, guru perlulah membimbing murid-murid dengan sebaiknya untuk mencapai semua aspek perkembangan ini.

BIBLIOGRAFI

Aminah Ayob, 2012; Norazilawati Abdullah, Nik Azmah Nik Yusuff, & Rosnidar Mansor, 2012).

Scientific identity and inquiry-based teaching amongst Secondary School adolescents. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 7(2), 72-84.
<https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol7.2.6.2017>

Hassan Langgulung (2001) serta Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri (2007). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan Mua'allim. *Journal of Islamic Arabic Education* (1), 2010 45-56

Katz, L.G., & Chard, S.C. (2000). *Engaging children's mind: The Project Approach*. (2 nd ed.). Stamford, CT: Ablex Publishing Corporation. Katz, L. G, Chard, S. C. & Kogan, Y. (2014). *Engaging children's minds: The project approach-third edition*. United States of America: Praeger.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025*. Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. *Determining sample size for research activities*.

Kurtz, S., Silverman, J., & Draper, J. (2016). *Teaching and Learning Communication Skills in Medicine*. USA: CRC Press.

Norazizah Abdul Rahman, Sopia Md Yassin & Noor Ashikin Mohd Yusop. (2016). Pembelajaran Secara Inisiatif Kanak-Kanak Menerusi Pendekatan Projek: Dari Tumbuh-Tumbuhan Ke Sekaki Payung. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak*, 5(1), 78- 95.